

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR  
BIL. 3/1990**

=====

**PEMBERIMILIKAN TANAH DALAM KAWASAN RIZAB  
MELAYU KEPADA ORANG MELAYU**

-----

Adalah diperhatikan bahawa kertas-kertas ringkasan mengenai pemberimilikan tanah yang terletak dalam kawasan Rizab Melayu kepada orang-orang Melayu, biasanya mengandungi syor berikut :-

“Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya di bawah Seksyen 6 Enakemen Rizab Melayu atau memorial dicatatkan di atas dokumen hakmilik yang akan dikeluarkan”

2. Sebenarnya syor yang dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang tersebut di atas adalah satu peringatan sahaja kepada Pentadbir Tanah supaya ia sedar apa yang seharusnya dilakukan setelah mendaftarkan dokumen hakmilik ke atas tanah tersebut. Padahal sepatutnya tindakan ini adalah menjadi tanggungjawab Pentadbir Tanah sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu. Seksyen 6 (ii), (iii) dan (iv) Enekmen tersebut memperuntukkan seperti berikut :-

“6 (ii) Upon the registration of any fresh document of title for any land included in any Malay Reservation, other such land became included therein before or after the commencement of this Enactment, the Collector of the district in which such land is situate shall present to the proper registering authority a requisition in the Form A in the First Schedule, requiring him to note in his register of title the fact on the inclusion of such land in such Malay Reservation.

(iii) Upon presentation of a requisition in the Form A in the First Schedule the proper registration authority shall made a memorial thereof upon every register document of title included therein.

(iv) Then any memorial has been made upon any register document of title for any land under the provision of sub-section (iii) the proper registering authority shall by notice in the Form B in the First Schedule require the proprietor of such land or any other person in these possession the issue document of title for such land may be to deliver the same and upon such delivery shall make on such issue document of title a like memorial as has been made on the register document of title for such land.”

3. Jelaslah bahawa apabila mendaftar dokumen hakmilik bagi tanah yang telah diluluskan kepada orang Melayu dalam kawasan Rizab Melayu, peruntukan di bawah seksyen tersebut di atas menghendaki Pentadbir Tanah :-

- (i) Mengemukakan Borang 'A' Enakmen Rizab Melayu :-
  - (a) Kepada dirinya (Pentadbir Tanah itu sendiri), jika tanah itu dipegang di bawah dokumen Hakmilik Pejabat Tanah, atau
  - (b) Kepada Pendaftar, jika telah dipegang di bawah dokumen hakmilik Pejabat Pendaftar

yang menghendakinya untuk membuat nota di dalam daftar hakmilik yang disimpan di pejabatnya mengenai kemasukkan tanah itu dalam kawasan Rizab Melayu.

- (ii) Setelah mengemukakan Borang 'A' tersebut, Pendaftar Tanah (jika tanah dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah) atau Pendaftar (jika tanah dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar) dikehendaki membuat memorial mengenainya di atas dokumen hakmilik daftar tanah tersebut. Memorial tersebut sepatutnya berbunyi seperti berikut :

"Perserahan No. ....Jilid .....  
Folio ..... Tanah ini telah dimasukkan ke dalam  
kawasan Rizab Melayu .....Menurut  
Warta Kerajaan No. ....bertarikh.....

.....  
(Tandatangan)  
Pentadbir Tanah / Pendaftar

- (iii) Oleh kerana tindakan di atas dibuat sebaik sahaja didaftarkan dokumen hakmilik ke atas tanah tersebut, maka sudah tentu dokumen hakmilik keluarannya masih berada di dalam tangannya (iaitu belum diserahkan kepada tuan punyanya). Oleh itu memorial yang sama yang telah dibuat di atas dokumen hakmilik daftar, hendaklah juga dibuat di atas dokumen hakmilik keluaran bagi tanah tersebut. Kemudiannya, barulah diserahkan kepada tuannya tanah itu.

\*Disini sebutkan nama Rizab Melayu mengikut dalam Warta Kerajaan.